



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8889 5542
Email : pejabatkpk@moh.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM.600-29/4/146 (44)
Tarikh : 10 Januari 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

*YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Dato' Indera/ Datin Paduka/ Dato'/
Datin/ Tuan/ Puan,*

**SITUASI TERKINI COVID-19 DAN LANGKAH-LANGKAH
PENCEGAHAN DAN KAWALAN BAGI MEMBENDUNG PENINGKATAN
KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan Mesyuarat Inter-Agensi berkaitan COVID-19 pada 22 Disember 2023 adalah berkaitan.

2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat peningkatan kes jangkitan saluran pernafasan termasuk COVID-19 dilaporkan secara global termasuk di Malaysia dan negara-negara jiran. Kitaran peningkatan jangkitan saluran pernafasan ini adalah seperti yang dijangkakan berlaku pada setiap hujung tahun. Sehingga kini, tiada varian baharu yang dikesan di Malaysia. Varian yang masih menular di Malaysia adalah varian Omicron dengan subvarian XBB.1.16, XBB.1.5, EG.5 dan termasuk JN.1. Varian-varian ini diketahui mempunyai kadar kebolehjangkitan yang tinggi, tetapi ianya tidak menyebabkan kes yang teruk.

3. Walaupun terdapat peningkatan kes COVID-19 yang dilaporkan, keadaan semasa di Malaysia masih dalam keadaan terkawal dan tidak membebankan fasiliti kesihatan sedia ada. Berbanding dengan keadaan semasa gelombang Delta pada pertengahan tahun 2021, majoriti daripada

semasa gelombang Delta pada pertengahan tahun 2021, majoriti daripada kes COVID-19 sekarang adalah bergejala ringan dan tidak perlu dimasukkan ke hospital.

4. Bagi menghadapi lonjakan kes COVID-19 ketika ini, KKM telah memperkukuhkan Pelan Pengurusan COVID-19 melalui lima (5) strategi utama iaitu:

- **Strategi 1:** Pengesanan awal kes COVID-19 dan varian SARS-CoV-2;
- **Strategi 2:** Pemerkasaan komuniti melalui amalan TRIIS (Test, Report, Isolate, Inform, dan Seek);
- **Strategi 3:** Pemantauan fasiliti kesihatan, pengurusan dan kawalan kes COVID-19 terutamanya untuk melindungi golongan berisiko tinggi;
- **Strategi 4:** Pemerkasaan komuniti melalui komunikasi risiko yang berkesan; dan
- **Strategi 5:** Pendigitalan sistem kesihatan dalam pengurusan pandemik melalui aplikasi MySejahtera.

5. Untuk makluman YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Dato' Indera/ Datin Paduka/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, pengisytiharan Malaysia sebagai "Kawasan Tempatan Jangkitan" yang akan tamat pada 31 Disember 2023 ini, telah dilanjutkan untuk tempoh enam (6) bulan lagi iaitu dari 1 Januari 2024 sehingga 30 Jun 2024. Pengisytiharan Malaysia sebagai Kawasan Tempatan Jangkitan adalah perlu bagi memenuhi keperluan pengasingan kes COVID-19 di mana-mana tempat selain hospital dan keperluan majikan menanggung kos ke atas pekerja yang diarahkan untuk menjalani rawatan dan/atau pengujian COVID-19 oleh pegawai diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

6. Sehubungan itu, protokol berkenaan pemakaian pelitup muka dan pengasingan kes disahkan COVID-19 akan diteruskan seperti sedia ada, iaitu:

- Pemakaian pelitup muka **DIKEHENDAKI** bagi kes positif COVID-19 dan individu ketika berada di fasiliti kesihatan mengikut amalan

Kawalan & Pencegahan Infeksi semasa berhadapan/ mengendalikan pesakit;

- Pemakaian pelitup muka **AMAT DIGALAKKAN** bagi individu berisiko tinggi berdasarkan penilaian sendiri ketika berada di tempat sesak dan di mana pengudaraan kurang baik; individu yang bergejala respiratori dan semasa berada dalam perkhidmatan pengangkutan awam;
- Arahan **pengasingan kes disahkan COVID-19 diteruskan** dengan tempoh selama lima (5) hari dari gejala pertama; (**rujuk Lampiran 1**) dan
- **Kontak rapat tidak perlu kuarantin** dan perlu melakukan ujian sekiranya bergejala. Jika keputusan adalah positif, mereka perlu diuruskan seperti kes positif.

7. Sebagaimana YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Dato' Indera/ Datin Paduka/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, pendekatan "*whole-of government and whole-of-society*" adalah amat penting bagi memastikan langkah pencegahan dan kawalan penularan jangkitan COVID-19 yang mapan. Oleh yang demikian, kerjasama dari semua kementerian dan agensi amat diperlukan dalam membantu KKM menangani peningkatan kes COVID-19. Kementerian dan agensi adalah dimohon untuk:

- Memastikan anggota yang dikesan positif COVID-19 menjalani isolasi seperti yang ditetapkan dalam prosedur pengurusan kes positif COVID-19;
- Memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan COVID-19 dilaksanakan di kementerian masing-masing termasuk amalan 3W (*Wear, Wash and Warn*) dan elakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang Rapat) di semua kementerian;
- Mengemaskini Garis Panduan berkaitan COVID-19 kementerian masing-masing. KKM bersedia untuk memberikan khidmat nasihat berkaitan COVID-19 sekiranya diperlukan;

- Memberikan maklumat COVID-19 yang tepat dan langkah-langkah pencegahan kepada anggota dan pemegang taruh kementerian masing-masing;
- Menyebarkan maklumat yang sahih dan terkini berkaitan COVID-19 dengan mengemaskini laman web masing-masing; dan
- Bersedia untuk memobilisasikan sumber-sumber termasuk sumber manusia, aset, inventori, kewangan, dan sebagainya mengikut keperluan.

8. Untuk makluman YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Dato' Indera/ Datin Paduka/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, maklumat terperinci berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuat naik ke laman web KKMNOW di <https://data.moh.gov.my> secara mingguan. Maklumat lanjut serta bahan pendidikan kesihatan berkaitan COVID-19 juga boleh diperolehi di laman sesawang <https://covid-19.moh.gov.my> dan infografik Lima (5) Tindakan Utama Menghadapi COVID-19 adalah seperti di **Lampiran 2**.

9. Sehubungan itu, YBhg. Dato' Seri/ Datuk/ Dato' Indera/ Datin Paduka/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan perkara ini kepada para pegawai yang berkaitan di bawah tanggungjawab masing-masing. Kerjasama daripada semua pihak dalam membendung penularan jangkitan COVID-19 adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

" MALAYSIA MADANI "

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan

Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

Penasihat Undang-Undang
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Menteri Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Sulit Kanan Kepada Timbalan Menteri Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

A. EDARAN DALAMAN

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah
Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)

Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK)

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri N. Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

B. EDARAN LUARAN

Ketua Pengarah
Majlis Keselamatan Negara

Ketua Pengarah
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Malaysia (MOSTI)

Ketua Setiausaha
Kementerian Kewangan & Perbendaharaan Malaysia

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan Malaysia

Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia

Ketua Setiausaha
Kementerian Digital Malaysia

Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara hidup

Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Setiausaha Kehormat
Persatuan Perubatan Malaysia
(*Malaysian Medical Association; MMA*)

Presiden
Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia (MPCAM)

Presiden
Persatuan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM)

Presiden
Federation of Private Medical Practitioners' Association of Malaysia
(FPMPAM)

Presiden
Association of Private Hospitals of Malaysia (APHM)

Pengarah
ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.

PENGGUNAAN PERINTAH PENGAWASAN DAN PEMERHATIAN ATAU *HOME SURVEILLANCE ORDER* (HSO) YANG DIKELUARKAN MELALUI APLIKASI MYSEJAHTERA

Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (*Home Surveillance Order*-HSO) bagi individu positif COVID-19 yang jelas telah dinyatakan di bawah subseksyen 11(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] melalui Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 [P.U.(A) 87/2020]. Peraturan 10 membenarkan pengasingan atau pengawasan mana-mana orang yang dijangkiti atau disyaki telah dijangkiti oleh Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) untuk menjalani di mana-mana tempat dan bagi apa-apa tempoh yang difikirkannya patut atau sehingga dia boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang lain.

Individu positif COVID-19 yang melakukan ujian pengesanan COVID-19 sama ada secara sendiri atau di fasiliti kesihatan dan melaporkannya ke dalam aplikasi Mysejahtera, akan menerima *Home Surveillance Order* (HSO) secara digital. Sijil digital HSO ini adalah sah digunakan di bawah Akta 342. Individu/pekerja boleh menggunakan sijil digital tersebut bagi tujuan isolasi dan tidak hadir bekerja dalam tempoh yang diberikan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum kerisauan pihak majikan mengenai kemungkinan penyalahgunaan HSO yang dilaporkan melalui ujian sendiri oleh pekerja. Oleh yang demikian, pihak majikan boleh membawa pekerja ke klinik panel atau klinik swasta bagi membuat penilaian risiko klinikal pesakit serta membuat ujian ulangan COVID-19 sekiranya dirasakan perlu. Pekerja/pesakit adalah layak diberikan HSO sekiranya keputusan ujian COVID-19 adalah positif.

Disediakan Oleh,

Kementerian Kesihatan Malaysia

2 Januari 2024



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

5 TINDAKAN UTAMA MENGHADAPI COVID-19

1



Pemakaian pelitup muka

Dikehendaki

- Jika positif COVID-19
- Apabila berinteraksi dengan pesakit di fasiliti kesihatan

Amat digalakkan

- Golongan berisiko tinggi
- Tempat yang sesak dengan pengudaraan yang kurang baik
- Jika bergejala
- Dalam pengangkutan awam

2



Lakukan ujian COVID-19 jika bergejala seperti demam, batuk dan selesema

3



Jika positif, lakukan pengasingan sendiri/ jalani HSO untuk mengurangkan penularan jangkitan

4



Dapatkan rawatan awal dan ubat antiviral Paxlovid untuk golongan berisiko tinggi

5



Golongan berisiko tinggi digalakkan mengambil vaksin COVID-19 untuk mengelak komplikasi teruk